

MARA LINER SDN. BHD.

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- MARA Liner Sdn. Bhd. (MARA Liner) ialah syarikat milik penuh Majlis Amanah Rakyat (MARA) yang telah dikorporatkan pada 17 April 2012 di bawah Akta Syarikat 1965 dengan modal berbayar berjumlah RM15 juta. Bagaimanapun mulai 9 November 2021, saham MARA Liner telah diambil alih sepenuhnya oleh MARA Corporation Sdn. Bhd. (MARA Corporation). Berdasarkan Perlembagaan Syarikat, MARA Liner menjalankan perniagaan sebagai *fleet carriers*.
- Prestasi dan pengurusan aktiviti yang dinilai ialah perkhidmatan bas berhenti-henti dan myBAS bagi tempoh tahun 2019 hingga bulan Julai 2022.
- Dua perkara yang dinilai bagi prestasi aktiviti ialah pencapaian output dan keberhasilan. Pencapaian output dinilai berdasarkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) aspek fizikal, output trip perkhidmatan bas berhenti-henti dan output trip perkhidmatan myBAS. Pencapaian keberhasilan pula dinilai berdasarkan matlamat keuntungan, matlamat khidmat sosial dan pembayaran dividen.
- Pengurusan aktiviti pula meliputi enam perkara iaitu pentadbiran kontrak, operasi perkhidmatan bas berhenti-henti dan myBAS, pengurusan bayaran perkhidmatan bas, penyenggaraan dan pembaikan bas, stor alat ganti bas serta pemantauan operasi bas berhenti-henti dan myBAS.
- Penilaian terhadap sembilan aspek amalan terbaik tadbir urus korporat iaitu Pengerusi, Lembaga Pengarah, Setiausaha Syarikat, Ketua Pegawai Eksekutif, Prosedur Operasi Standard, Rancangan Korporat/Pelan Strategik dan KPI, Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan, Audit Dalam serta Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan dibuat bagi tahun 2019 hingga bulan Julai 2022.
- Analisis kedudukan kewangan dijalankan terhadap penyata kewangan beraudit tahun 2019, 2020 dan 2021.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Menilai tahap pencapaian objektif pengkorporatan MARA Liner melalui aktiviti utama sebagai *fleet carriers* khususnya dalam perkhidmatan bas berhenti-henti dan myBAS.
- Perkhidmatan pengangkutan awam adalah penting kepada penduduk luar bandar khususnya laluan sosial atau laluan yang kurang menguntungkan.
- Aset milik MARA bernilai RM58.81 juta meliputi 359 bas, 17 lot tanah, 15 bangunan dan 198 alatan bengkel telah diserahkan kepada MARA Liner bagi melaksanakan operasi syarikat.

**Apa yang
ditemui
Audit?**

- MARA Liner melaksanakan 103 laluan sosial perkhidmatan bas yang meliputi sembilan negeri di Semenanjung Malaysia iaitu Pahang, Kedah, Melaka, Perak, Johor, Terengganu, Selangor, Kelantan dan Perlis.
- Secara keseluruhannya berdasarkan skop pengauditan, MARA Liner telah mencapai objektif pengkorporatannya untuk menyediakan perkhidmatan bas berhenti-henti bagi 89 laluan sosial di kawasan luar bandar dan perkhidmatan myBAS bagi 14 laluan sosial.
- Bagi tahun 2019 hingga 2021, perkhidmatan myBAS dan aktiviti lain telah menjana keuntungan. Bagaimanapun, perkhidmatan bas berhenti-henti dan bas ekspres telah mengalami kerugian. Bagi tempoh tersebut, keuntungan berjumlah RM19.93 juta telah digunakan bagi menampung kerugian operasi perkhidmatan bas berhenti-henti dan bas ekspres berjumlah RM15.92 juta.
- MARA Liner masih mampu mencatatkan keuntungan dan membayar dividen berjumlah RM122,481 dan RM41,937 kepada MARA dan MARA Corporation bagi tahun kewangan 2020 dan 2021, walaupun syarikat telah menanggung kerugian daripada perkhidmatan bas berhenti-henti dan bas ekspres. Perkara ini berikutan kedudukan kewangan MARA Liner yang stabil.
- Bagaimanapun, pencapaian output KPI aspek fizikal adalah kurang memuaskan. Sebanyak 11 (84.6%) indikator bagi tahun 2019 dan 10 (76.9%) bagi tahun 2020 daripada 13 indikator KPI aspek fizikal tidak mencapai sasaran. Pencapaian bagi kesemua KPI tahun 2021 pula tidak dapat dinilai. KPI tahun 2019 dan 2020 tidak dapat dicapai khususnya tahun 2020 kesan daripada pandemik Covid-19.
- Selain itu, didapati bagi tahun 2020 hingga bulan Julai 2022, MARA Liner tidak mencapai pelaksanaan trip bulanan perkhidmatan bas berhenti-henti iaitu hanya mencapai antara 55.8% hingga 75.8% berbanding sasaran 80%.
- Bagi perkhidmatan myBAS pula, syarikat hampir mencapai tahap perkhidmatan minimum (98%) myBAS Perlis bagi tahun 2020 dan 2021 masing-masing dengan pencapaian 95.9% dan 96.8%. MARA Liner juga hampir mencapai tahap perkhidmatan minimum (95%) myBAS Kuala Terengganu pada tahun 2021 dan 2022 (setakat bulan Julai) iaitu masing-masing dengan pencapaian 94.3% dan 93%.
- Pengurusan aktiviti kurang cekap dalam pentadbiran kontrak perkhidmatan bas; operasi perkhidmatan bas berhenti-henti dan myBAS; pengurusan bayaran perkhidmatan bas; stor alat ganti bas; dan pemantauan operasi bas berhenti-henti dan myBAS. Antara penemuan Audit ialah:
 - Perjanjian operasi perkhidmatan bas yang berkuat kuasa 1 Jun 2013 antara MARA dan MARA Liner belum dimeterai setakat pengauditan pada bulan Julai 2022;

**Apa yang
disyorkan
Audit?**

- Bilangan pemandu bas berhenti-henti tidak mencukupi bagi tempoh bulan Julai 2019 hingga bulan Julai 2022. Secara purata bulanan, antara 12 hingga 31 jawatan pemandu bas belum diisi.
- Kerosakan bas dalam perkhidmatan myBAS yang melebihi tahap parameter telah menyebabkan pelaksanaan bilangan trip tidak tercapai dan dikenakan penalti parameter oleh APAD berjumlah RM0.98 juta.
- Amalan tadbir urus korporat MARA Liner berada pada tahap memuaskan.
- Pihak yang berkepentingan perlu memberi pertimbangan terhadap syor berikut:
 - memuktamadkan perjanjian perkhidmatan bas dengan MARA untuk menjaga kepentingan syarikat;
 - menggiatkan tindakan mengambil dan mengekalkan pemandu bas supaya operasi perkhidmatan bas tidak terganggu;
 - memastikan tahap perkhidmatan minimum myBAS dipatuhi untuk mengelakkan penalti yang dikenakan;
 - menyegerakan pembangunan sistem inventori berkomputer bagi pengurusan stor alat ganti bas yang lebih sistematik;
 - mempertimbangkan penggunaan sistem tiket tanpa tunai bagi mengatasi isu ketirisan kutipan tambang; dan
 - memantapkan amalan tadbir urus korporat dalam aspek Lembaga Pengarah, Setiausaha Syarikat, Rancangan Korporat/ Pelan Strategik, Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan serta Audit Dalam.